

JABATAN BENDAHARI

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PRS/519 JILID 2 ()
Tarikh : 20 JANUARI 2023
27 JAMADIL AKHIR 1444H

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr./ Prof. Dr./Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN GARIS PANDUAN PEMBERIAN INSENTIF BAGI MENGGALAKKAN PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG GIAT MENJANA PENDAPATAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.15/2022 bertarikh 17 November 2022 telah meluluskan Cadangan Penjenamaan Semula 'Jawatankuasa Penilaian Komersial *Strategic Business Unit*' (SBU) kepada '**Jawatankuasa Insentif Aktiviti Penajaan**' UPSI.

3. Untuk makluman Y.Bhg. Prof. Dato' Dr./ Prof. Dr./Dr./Tuan/Puan , tujuan pindaan garis panduan ini adalah melalui justifikasi dan maklumat pelaksanaan seperti berikut :-

- a) Untuk memastikan proses kelulusan pemberian insentif kepada kakitangan dan PTJ yang menjalankan aktiviti penajaan lebih mudah dan cepat.
- b) Kebanyakan permohonan bernilai tidak melebihi RM20,000 dan kebiasaannya permohonan adalah bagi tujuan pembelian baju kepada kakitangan.
- c) Pelaksanaan adalah selaras dengan had kuasa perolehan yang diberikan kepada Ketua Jabatan iaitu RM20,000.

4. Sehubungan itu, penambahbaikan yang terlibat adalah seperti berikut :-

- a) Penjenamaan semula 'Jawatankuasa Penilaian Komersial *Strategic Business Unit*' (SBU) kepada '**Jawatankuasa Insentif Aktiviti Penajaan**' UPSI.
- b) Keahlian bagi Jawatankuasa Insentif Aktiviti Penajaan UPSI adalah seperti berikut :-

- Pengerusi : Bendahari
Ahli : 1. Dekan atau wakil, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
: 2. Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE)
: 3. Timbalan Pengarah, Unit Perundingan, Pengkomersialan dan Inovasi,
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
: 4. Timbalan Pendaftar, Bahagian Governan

1../

: 5. Timbalan Bendahari, Unit Penjanaan, Risiko dan Sistem

Turut Hadir :

: 6. Penolong Bendahari, Unit Kumpulan Wang

Setiausaha : 7. Penolong Bendahari, Unit Penjanaan, Risiko dan Sistem

Ahli jemputan : 8. Dekan / Ketua PTj
(mengikut PTj yang terlibat dengan pembayaran ganjaran/insentif yang dinilai)

c) Had Kuasa melulus bagi Jawatankuasa Insentif Aktiviti Penjanaan UPSI adalah seperti berikut :-

Bil	Jumlah Permohonan	Peringkat Kelulusan
1	RM20,000 dan ke bawah	Jawatankuasa Insentif Aktiviti Penjanaan
2	Lebih RM20,000	Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)

5. Sehubungan itu, panduan pemberian insentif boleh dirujuk kepada Garis Panduan Pemberian Insentif Bagi Menggalakkan Penjanaan Pendapatan Kepada Pusat Tanggungjawab Yang Giat Menjana Pendapatan (Pindaan 2) yang boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>.

6. Pemakaian Pindaan Garis Panduan Pemberian Insentif Bagi Menggalakkan Penjanaan Pendapatan Kepada Pusat Tanggungjawab (Ptj) Yang Giat Menjana Pendapatan ini berkuatkuasa dari tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 15/2022 bertarikh 17 November 2022.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A. (M), ASEAN CPA)
Bendahari

s.k : Y.Bhg Dato' Naib Cancellor
Timbalan Naib Cancellor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

